



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

## Masalah Dari Siam

A. Muhammad Matim, Sadau Singgora, Siam bertanya:

Bersama surat ini saya sertakan sekali satu makalah yang diterjemah dari majalah Islam bahasa Siam bernama “*al-Hudā*”. Saya harap tuan beri kupasan berkenaan dengan makalah ini oleh kerana majalah Qalam tuan banyak pembaca-pembacanya di Siam Selatan. Saya telah berbantah dengan rakan saya yang taksud kepada “*al-Hudā*”. Kata saya orang kafir tidak keluar dari neraka, tetapi rakan saya itu bersetuju dengan faham majalah “*al-Hudā*” yang menyatakan si kafir tidak kekal dalam neraka. Oleh sebab kami masing-masing tiada berilmu, maka keputusan kami menghantar makalah ini kepada tuan dengan tujuan hendak mendapat penjelasan yang terang supaya kami jangan tersalah iktisad atau faham.

Saya harap tuan tolong beri tafsir dengan panjang ayat 128 surah al-An‘ām iaitu “kecuali jika dikehendaki Allah” dan ayat 107 surah Hūd “kecuali yang dikehendaki Tuhan engkau”. Kerana itu yang menjadi alasan puak yang percaya seperti kata majalah al-Hudā itu. Saya terlalu hairan sekali “*al-Hudā*” yang mengatakan si kafir boleh lepas keluar dari neraka. Pada hal al-Quran: Allah tidak kasih kepada orang kafir. Allah tidak mengampunkan dosa orang menyekutu Allah dengan yang lain (musyrik). Allah tidak mengampunkan dosa orang mati dalam kafir. Allah tidak terima amalan baik orang kafir. Allah tak terima tubuh orang yang hampir akan mati.

Mudah-mudahan dengan kupasan tuan itu pembaca-pembaca

Peringatan:

Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah bergunajuga untuk panduan pembaca-pembaca.

“*al-Hudā*” boleh tahu akan faham mana yang betul dan juga harap tuan boleh siarkan juga faham yang salah (iktisad yang salah) seperti Qudriyah, Jibraiyah, Qadyāni, Rafḍī, Mu‘tazilah, supaya kami jangan salah iktisad apabila membaca makalah-makalah yang salah.

Lebih lanjut di bawah ini saya turunkan terjemahan makalah majalah “*al-Hudā*” yang tersebut yang tersiar dalam bilangan 12, tahun pertama muka 83 hingga 86.

Kata majalah “*al-Hudā*”: Masalah telah terjadi mengatakan syurga dan neraka diadakan untuk manusia. Kalau begitu adakah masuk neraka dengan tidak berkesudahan atau selama-lamanya? Atau adakah kita dapat peluang masuk ke syurga sesudah menempuh (masuk) neraka.

Saya sendiri ada alasan yang terang mengatakan manusia ke neraka untuk sementara waktu sahaja bukan selama-lamanya. Dengan sebab neraka dimisalkan seperti rumah sakit yang menyembuhkan orang-orang sakit untuk tiap-tiap bangsa dan agama walau kafir, musyrik, fasik, munafik dan lain-lain lagi.

Telah dikatakan jiwa hidup kita manusia tujuannya sebagaimana yang tersebut dalam al-Quran (Surah al-Dhāriyāti ayat, 56): Ertinya “Tiada aku jadikan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah akan daku.”

Tetapi pada puak-puak yang bersalah itu, al-Quran mengatakan (surah al-Taffīf ayat 15), ertinya: “Sebenarnya bahawa mereka tertutup (terdinding) pada hari itu daripada Tuhannya”. Tetapi perkara tertutup daripada Tuhan itu ialah supaya menerima azab dalam neraka sekadar masa yang

tertentu sahaja, sebab al-Quran menerangkan dalam (surah al-Ḥadīd ayat 15), “Neraka itu kawan atau penjaga bagi orang yang melakukan kesalahan (*al-nār hiya mawlākum*), dan lagi satu tempat dalam al-Quran (surah al-Qāriyah ayat 9) menerangkan “Neraka itu ibu” (*fa’ummuhū hāwiyah*). Kedua-dua ayat ini menjadi alasan neraka itu membela dan mengawal bagi membaiki dan membersihkan sebagaimana kehangatan api menghancurkan logam bagi memisahkan atau membersihkan tahi kekotorannya begitulah jua hangat api neraka bagi menggilap atau mencuci kejahatan ahli-ahli neraka supaya baik bersih.

Yang mengatakan Muslim yang berdosa masuk neraka ada masanya akan keluar dan yang bukan Muslim masuk neraka tiada masanya akan keluar. Ini jadinya ialah salah faham dan kekeliruan. Sebab tiada terbentang dalam al-Quran dan hadis yang sahih.

Dua perkataan yang memberi kebaikan orang-orang Islam tersalah faham dari hal syurga dan neraka ialah “*Khalid*” dan “*abadā*” maknanya berkediaman selama-lamanya. “*Khalid*” maksudnya berkediaman di sana tidak berubah. “*Abada*” pula maksudnya berkediaman di sana selama-lamanya. Sungguhpun kedua perkataan maksudnya begitu, tetapi tiada boleh menunjukkan hingga tiada berkesudahan, hanyalah tujuannya berkediaman lama, dalam waktu yang tertentu sahaja, kita boleh jumpa dalam al-Quran yang bersangkutan dengan perkataan “*Abada*” ini hanya tiga tempat iaitu (surah al-Nisā ayat 169) dan (surah al-Aḥzāb ayat 64-65) dan (surah al-Jin ayat 23).

Fasal hendak menerangkan keraguan dari hal orang-orang yang masuk neraka ada masa peluang akan keluar semula setelah diazab itu, al-Quran ada menerangkan dengan satu ayat lagi dalam (surah al-Naba’ ayat 21-23). Perkataan “*Aḥqāb*” di dalam ayat ini jadi jamak dari perkataan “*Haqab*” yang ertinya masa 70 tahun sampai 80 tahun, masa berpuluh-puluh tahun tetapi lama masanya di akhirat itu di luar pengetahuan

kita tak dapat diketahui.

Bagaimana sekalipun mengatakan berkelamaan atau selama-lamanya ganti di dalam loghat al-Quran ini menunjukkan hampir sedikit atau mengurangkan masanya sedikit lagi, perkara di neraka itu untuk semua manusia berlaku cuma dengan masa yang tertentu mengikut anggaran masa satu-satunya, tiap-tiap hati sanubari akan dilepaskan dari azab setelah digilap atau dibersihkan.

Golongan yang memahamkan bahawa orang-orang masuk neraka itu tiada akan dikeluarkan lagi, mereka mengambil faham dari al-Quran akan ayat-ayat di dalam surah al-Mā’idah (ayat 36-37) dan dalam surah al-Ḥajj (ayat 22) serta dalam surah al-Sajjadah (ayat 20). Ayat yang tersebut menunjukkan puak-puak dalam neraka berkehendak dibebaskan daripada azab tetapi tidak dapat walau hendak ditebus dengan harta-harta dan barang di dunia ini yang berganda-ganda banyak, dan tidak dapat hendak dielakkan, tetapi ayat-ayat ini tidak menerangkan sedikit jua pun yang perkara itu tak dapat dielakkan disebabkan kejahatan atau keingkaran itu akan menjadikan puak-puak itu mesti duduk di dalam neraka selama-lamanya.

Walau bagaimana sekalipun “*abadā*” diertikan kelamaan, selama-lamanya, kekal, tetapi mengikut aturan al-Quran perkara masuk neraka itu ada kesudahannya. Lihat di dalam al-Quran (surah al-An’ām ayat 128).

Menurut keterangan ayat ini mesti sungguh mengapa Allah menyatakan pula “kecuali jika dikehendaki Allah” akan keluar dari azab. Dan lagi dari dalam al-Quran (surah Hūd ayat 106 sampai 107) Ayat ini menerangkan orang dalam neraka ada kesudahannya. Perkataan “*Shaqā*” ertinya prang celaka berlawanan dengan perkataan “*Sa’īd*” ertinya bahagia seperti yang tersebut di dalam al-Quran (surah Hūd ayat 108) Ertinya: “Adapun orang-orang yang berbahagia itu di dalam syurga kekal di dalamnya selama kekal langit dan bumi kecuali yang dikehendaki

Tuhan engkau iaitu pemberian yang tiada putus-putus”.

Kedua-dua ayat ini menunjukkan ahli-ahli neraka dan syurga itu duduk berapa lama, jika Allah hendak mengeluarkan mereka itu bila-bila masa pun boleh. Di hujung pada kedua-dua ayat ini ada berlainan bila menyatakan penduduk neraka akan dikeluarkan bila-bila masa pun boleh, mengikut kehendak Allah, sebab Allah itu Maha Kuasa berbuat apa-apa kehendaknya. Tetapi pada bahagian syurga pula walaupun akan dikeluarkan dengan kekuasaan Allah tak menghendakkan demikian kerana Allah telah berfirman di hujung ayat itu, bahawa syurga adalah pemberian Allah yang tidak putus-putus ialah kesenangan yang tidak berkesudahan. (*Ajra ghaira mamnūn*) “bagi mereka balasan yang tidak putus-putus”.

Sebab itu al-Quran menerangkan (surah al-Zalzāl ayat 7) ertinya “Barang siapa mengerjakan sebesar zarah kebajikan akan dilihatnya”. Mengikut yang difaham daripada ayat ini bahawa manusia dalam dunia buat kejahatan mesti ada juga kebaikan yang diperbuatnya tetapi neraka bagi orang yang membuat kejahatan (maksiat) bila sudah dicuci kejahatan dalam neraka habis cuci bersihlah ia dan kebaikan yang ada akan bangun menolongnya pula. Lain daripada alasan al-Quran kita boleh dapati juga lagi dari hadis (banyak tempat).

Seperkara lagi yang patut kita halusi dan selidiki ialah sifat-sifat Allah baik sempurna, iaitu Allah pengasih, penyayang, pemurah, pengampun akan hamba-hambanya dan makhluk tidak memilih bulu wa imam kafir, musyrik atau muslim, kita dapati al-Quran menerangkan (surah al-A‘raf ayat 156) Ertinya: “Rahmatku pada akal kita mengatakan orang masuk neraka akan kekal duduk di dalamnya dengan azab, tidak ada masanya lagi akan keluar (selama-lamanya) sedang kita mendapat alasan dari al-Quran dengan demikian banyaknya.”

Sekian kata majalah “*al-Hudā*”.

Jawab: Sebelum masalah ini dihuraikan, elok diketahui makna perkataan “*khulūd*” (berkekalan) yang menjadi puncanya, kerana ada kalanya sesuatu perkataan Arab, maknanya pada loghat berlainan dengan maknanya pada syarak.

Perkataan “*khulūd*” pada loghat ialah “berlanjutan masa sesuatu keadaan”, tetapi pada syarak maknanya “berkekalan selama-lamanya” (al-Duwām al-Abdī).

Di dalam al-Quran al-Karim ada lebih daripada 30 ayat yang menerangkan bahawa orang-orang kafir itu akan berkekalan dalam neraka.

Misalnya di dalam surah al-Baqarah ayat 39, Tuhan berfirman: “*wa al-ladhīna kafarū wa kadhdhabū bi ‘ayātīnā ūlā ‘ika aṣḥābu al-nāri hum fīhā khālidūn*”.

Ertinya: “Orang-orang yang kafir dan mendustakan tanda-tanda pertunjuk Kami, mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya”.

Inilah pertama-tama ayat di dalam kitab Allah, yang menerangkan bahawa orang-orang kafir itu akan menerima azab neraka dan mereka akan berkekalan di dalamnya selama-lamanya.

Ahli-ahli tafsir yang masyhur seperti al-Ṭabarī, Abū al-Sa‘ūd, al-Biḍāwī, al-Alūsī al-Rāzī, al-Muḥlā, al-Sayūfī, Ibnu Kathīr, al-Baghwī, al-Khaṭīb, al-Nīsābūrī, Muḥammad ‘Abduh, Rashīd Riḍā dan al-Ṭanṭāwī, semuanya sekata memaknakan “*Khālidūn*” bagi ahli neraka ialah berkekalan di dalamnya selama-lamanya, yakni mereka hidup di dalamnya menderita azab yang berpanjangan dan tidak akan keluar lagi. Bagi Tuhan dengan tegasnya menerangkan:

*Inna al-ladhīna kafarū wa zalamū lam yakunī allāhu liyaghfira lahum wa lā liyahdī yahum ṭarīqān. Illa ṭarīq jahannama khalidīna fīhā abadān wa kā na dhalika ‘alā allāhi yasīran.* 168-169 al-Nisā’.

Ertinya: “Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan berlaku zalim (terhadap Nabi Muhammad lalu ingkar akan kenabiannya dan menghalang manusia daripada memeluk Islam) tiadalah Tuhan mengampunkan mereka dan tiadalah diberi mereka jalan pertunjuk, melainkan jalan yang membawa kepada jahannam, kekal

(sambungannya pada muka 11)

(sambungan daripada muka 8)

mereka di dalamnya selama-lamanya, balasan yang demikian itu terlalulah mudahnya kepada Tuhan.

Setelah dijelaskan balasan orang-orang kafir lalu ditundanya dengan firman-Nya lagi menyeru sekalian manusia supaya beriman kepada Rasul-Nya (Muhammad) yang telah dibangkitkan itu:

*Yā ayyuhā al-nāsu qad jāa 'kum al-rasūlu bil haqqa min rabbikum fa aminū khayrālakum wain takfurū fainna Allāhi mā ft al-samāwāti wa al-arḍ wa kāna Allāhi 'alīman ḥakīman – 170 al-Nisā'*

Ertinya: “Wahai sekalian manusia, telah datang Rasul (Muhammad) membawa kebenaran daripada Tuhan kamu maka berimanlah kamu, itulah yang sebaik-baiknya bagi kamu, (tetapi) jika kamu kafir maka sesungguhnya bagi Allah segala yang ada di langit dan di bumi, Allah Ta'ālā amat mengetahui lagi bijaksana”-tentang balasan yang disediakan bagi kamu.

Tentang firman Tuhan “*khālidīna fihā illā mā shā'Allāh*” (berkekalan mereka di dalamnya melainkan yang dikehendaki Allah) yang tersebut di dalam ayat 128 surah al-An'ām seperti yang ditanyakan oleh tuan penyoal adalah mafhumnya demikian: Bahawa kaum kafir ahli neraka akan berkekalan di dalamnya selama-lamanya dikecualikan masa yang di dalamnya dipindahkan mereka dari azab “*al-Sa'īr*” (api yang menjulang-julang) kepada azab “*al-Zamharīr*” (azab neraka yang sangat sejuk membekukan badan).

Demikian juga tafsir ayat 107 surah Hūd yang ditanyakan itu.

Tidak ada keterangan yang tegas yang mengatakan golongan kafir yang tidak beriman kepada Tuhan itu akan dikeluarkan dari neraka setelah mereka menerima azab yang pedih di dalamnya. Kalau perkataan “*khulud*” (berkekalan) ada kalanya dimaknakan “masa yang terlalu lanjut” tetapi bila disatukan dengan perkataan “*abadā*” (selama-lamanya) sudah jelas tak dapat ditakwilkan lagi. Sedang di dalam Quran berulang-ulang disebut “*khalidīna fihā abadā*” bagi hal neraka.

Lagi satu tentang salinan penulis Majalah *al-Hudā* itu

akan ayat 15 al-Ḥadīd. Ia menyalinkan: “*al-nārihī mawlākum*”

lalu dimaknakan dengan: “Neraka itu kawan atau penjaga bagi orang yang melakukan kesalahan”.

Salinannya itu tidak betul dan maknanya yang diberikan pun tidak betul. Yang betulnya ialah: “*Ma'wakum al-nār; hiya mawlākum*”. Ertinya: Tempat kamu sekalian ialah neraka, itulah tempat yang patut bagi kamu”. Ayat yang mulia ini dihalakan oleh Tuhan kepada kaum munafik dan kaum kafir.

Jelasnya, orang-orang yang kafir yang telah mendustakan agama Allah, akan ditempatkan di dalam neraka, iaitu mereka akan berkekalan hidup di dalamnya menderita balasan yang pedih selama-lamanya- Na'uzubillah minhā.

Masalah ini telah dijelaskan oleh ahli-ahli tafsir yang kebilangannya di dalam kitab-kitab tafsir mereka masing-masing, dan bagi memudahkan orang-orang yang suka menyelidik, periksalah kitab-kitab:

- 1- “Jami' al-Bayān” (al-Ṭabarī, Juzu' 1, muka 196.
  - 2- “Arshād al-'Aqal al-Salīm” (Abū al-Sa'ūd), juzu' 1, muka 115.
  - 3- “Anwār al-Tanzīl” (al-Baiḍāwī), juzu' 1, muka 146.
  - 4- “Ruḥ al-Ma'sānī” (al-Alūsī), juzu' 1 muka 201.
  - 5- “Mufātīḥ al-Ghaib” (al-Rāzī), juzu' 1 muka 315.
  - 6- “Al-Jalālain” (al-Muḥlā wa al-Sayūṭī), juzu' 1 muka 45.
  - 7- Tafsir “Ibnu Kathīr” Juzu' 1 Muka 184
  - 8- Mu'ālam al-Tanzīl” (al-Baghawī), muka 148.
  - 9- “Al-Sarāja al-Munīr” (al-Khaṭīb), juzu' 1 muka 50.
  - 10- “Ghara'ib al-Qur'an” (al-nīsābūrī) di tepi kitab tafsir al-Ṭabarī, juzu' 1, muka 259
  - 11- “Tafsir al-Minār” \*Rashīd Riḍā), juzu' 1, muka 288.
- dan seterusnya banyak lagi boleh didapati.